Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!



# Dalamkan sungai utk jauhi banjir

Berita Harian, 16 November 1962, Page 6

Article also available on Microfilm Reel NL8147

Previous Article | Next Article | Previous Page | Next Page

Scroll to Top

## Dalamkan sungai utk jauhi banjir

KAJANG

JABATAN Tali Ayer Daerah Kajang, telah mendalamkan sa-batang sungai sa-jauh empat batu dari sempadan daerah Beranang Ulu Negeri Sembilan sampai ka-jalan raya Beranang Selangor, untok men-chegah bahaya banjir yang selalu menimpa sa-luas 500 ekar tanah sawah di-daerah ini.

Pengerusi Pembangunan Luar Bandar Daerah Ka-jang, Inche' Othman bin Mohd Din menyatakan ba-hawa Jabatan Tali Ayer daerah ini telah berusaha mendalamkan sungai ini dengan menggunakan ka-pal korek sa-lama sa-ta-

**Information**



Newspaper:
Berita Harian

Date:
16 November 1962

Reel Number:
NL8147

Share

**Table of Contents**

< Previous | Page 6 | Next >

PEGAWAI POLIS TEMPATAN BERPULANG

PEGAWAI POLIS TEMPATAN BERPULANG MELAKA: Dengan sedeh diberitakan bahawa Inche Ali bin

Perhatikan-lah baik2 Penyata Aminuddin

Perhatikan-lah baik2 Penyata Aminuddin SERUAN LEMBAGA KAPADA IBU BAPA PU bapa murid2 di-se-

Rotary Kelab bantu 40 keluarga petani2

Rotary Kelab bantu 40 keluarga petani2 SA-RAMAI 40

View Full Table of Contents

hun.

Inche' Othman berkata: Dengan berjaya-nya usaha mendalamkan sungai ini dapat-lah di-chegah bahaya banjir yang selalu menganchan sawah2 di-kawasan ini.

Beliau juga menerangkan bahawa usaha lain untok mendalamkan sa-batang sungai lagi untok menchegah bahaya banjir yang selalu menganchan pendudok2 kampong Sungai Ramal Kajang telah pun mula di-kerjakan.

Sungai ini sa-jauh empat batu setengah dan telah mula di-gali dari West Countery Estate. Usaha ini di-jangka akan dapat menyelamatkan sa-ramai 200 keluarga yang di-timpa banjir pada tiap2 tahun.

Inche' Othman juga menerangkan sa-lain dari mendalamkan dua batang sungai ini, Jabatan Tali Ayer daerah ini juga telah membuat tali ayer untok mengayerkan sa-luas 150 ekar sawah di-kampong Jenderam Ulu dan 200 ekar sawah di-kampong Kuala Lui, Ulu Langat.

## Related Articles

No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

ort Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29